



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

KENYATAAN MEDIA

MEDAC SOKONG SEKTOR PERBANKAN BANTU PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) SERTA KOPERASI YANG HADAPI KESULITAN KEWANGAN

PUTRAJAYA, 18 Disember 2021 – Saya menyokong penuh kenyataan YAB Perdana Menteri yang mengalu-alukan tindakan sektor perbankan yang terus membantu peminjam yang menghadapi masalah kewangan.

Usaha ini juga selaras dengan dasar baru MEDAC yang saya umumkan supaya agensi yang memberikan pembiayaan kepada usahawan seperti TEKUN Nasional, Bank Rakyat, SME Bank, SME Corp. Malaysia, PUNB, AIM dan PERNAS tidak mengambil sebarang tindakan undang-undang kepada peminjam.

Dalam masa yang sama urusan permohonan pembiayaan dana Kerajaan dipermudahkan lagi dengan tidak menggunakan tapisan CTOS dan CCRIS. Ini juga merupakan satu tindakan dalam membantu usahawan yang terkesan dalam tempoh pemulihan COVID-19.

Dalam tempoh 100 hari, MEDAC telah berjaya membantu seramai 220,248 orang usahawan yang terkesan dengan COVID-19 melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM7.172 billion.

MEDAC akan terus membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi bukan hanya melalui pembiayaan tetapi juga melalui peluang perniagaan baharu, digitalisasi, latihan keusahawanan dan juga sesi libat urus yang melibatkan persatuan atau pertubuhan.

Selaras dengan Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) iaitu Bekerja Bersama Rakyat semoga semua langkah bantuan ini dapat memberi sedikit kelegaan kepada mereka yg amat memerlukan.

TAN SRI NOH HAJI OMAR
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi